

Penyatuan pegawai2 kerajaan perlu bagi Sabah dan Sarawak: Mahathir

KUCHING, Isnin.—
Datuk Seri Dr. Maha-
thir menyatakan per-
lunya penyatuan
pegawai-pegawai Se-
menanjung dengan
Sarawak dan Sabah
demi perpaduan nega-
ra.

Timbalan Perdana
Menteri berkata, proses
penyatuan itu telah ber-
jalan terlalu perlahan
pada hal kedua negeri
itu sudah berada di da-
lam Malaysia 15 tahun.

Dalam satu sidang
akhbar setibanya di sini
untuk lawatan sehari be-
liau berkata, pada masa
ini sangat sedikit pega-
wal dari kedua negeri itu
berkhidmat di Semenanjung.
Sebaliknya bilangan
pegawai-pegawai
Semenanjung yang berkhidmat
di kedua negeri
itu agak memuaskan.

"Saya ingin melihat
pegawai dari Sarawak
berkhidmat di kawasan
terpencil di Pahang um-
pamanya," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Maha-
thir berpendapat struktur
gaji Laporan Kabinet
bagi Sabah dan Sarawak
harus diselaraskan den-
gan di Semenanjung
bagi memudahkan pros-
es penyatuan itu.

Bellau yang juga Pen-
gerusi Jawatankuasa
Kabinet mengenal gaji
akan mengadakan per-
bincangan dengan para
wakil Kerajaan Sarawak
dan Sabah mengenai
perkara itu di sini.

Tiba bersama Timba-
lan Perdana Menteri la-
lah tiga orang lagi Ang-
gota Jawatankuasa Ka-
binet itu, Menteri Ke-
wangan Tengku Reza-
leigh Hamzah, Menteri
Buruh dan Tenaga Rak-
yat Datuk Lee San Choon
dan Menteri Kemajuan
Tanah dan Wilayah Tan
Sri Abdul Kadir Yusof.

Perwakilan Kerajaan
Sabah ke mesyuarat itu
di ketuai oleh Pemangku
Ketua Menteri, Datuk
James Ongkili tiba di
sini terdahulu.

Mengenai per-
laksanaan laporan itu di
kedua negeri, Datuk Seri
Dr. Mahathir berkata, ia
akan dibuat sebaik saha-
ja disetujui oleh pihak
kesatuan.

Mengenai pene-
mpatan projek baja
urea, Timbalan Perdana
Menteri berkata, kera-
jaan akan menimbang-
kan perkara itu bukan
sahaja dari segi perasa-
an tempatan tetapi juga
kemungkinan ekonominya.
— Bernama.

No. 5
No. 1